

PEMBAHAGIAN PESAKA DI KALANGAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN : SATU KAJIAN KES-KES PESAKA
MENURUT ADAT DAN FARAIID.

ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANAMUDA
PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SYARIAH WA AL-QANUN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1989

An ornate, symmetrical decorative border in a black and white woodcut style. It features intricate scrollwork, acanthus leaves, and floral motifs that form a rectangular frame around the central text.

B A B

III

BAB III

KES-KES PESAKA YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN

3.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis memulakan perbincangan tentang rasional pemilihan tempat kajian sebelum menumpukan perbincangan mengenai kes-kes yang tidak dapat diselesaikan yang meliputi kes-kes yang bertanggung dan juga kes-kes yang dibatalkan. Perbincangan dibuat untuk mengetahui kenapa sesuatu kes itu ditangguhkan atau dibatalkan. Sebelum mengemukakan rumusan dan cadangan, penulis cuba menganalisa kes-kes pesaka yang tidak dapat diselesaikan samada di Daerah Seremban dan Daerah Rembau. Analisa ini dibuat bertujuan untuk melihat sejauh mana pengaruh adat diperolehi dalam amalan orang Minangkabau dalam penyelesaian kes-kes pesaka. Kes-kes pesaka yang dianalisa itu meliputi kes Tanah Pesaka Adat dan Tanah Faraid.

Akhir sekali, penulis telah cuba menyingkap beberapa masalah dalam pentadbiran untuk mengenalpasti

apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh Pejabat Pengendalian Pesaka yang menyebabkan kes-kes dilambatkan penyelesaiannya. Melihat kepada permasalahan demikian, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh penulis dalam usaha mempertingkatkan lagi kecekapan pegawai-pegawai berkaitan dalam menyelesaikan kes-kes pesaka di Negeri Sembilan.

3.2 RASIONAL PEMILIHAN TEMPAT KAJIAN.

Dalam kajian ini, penulis telah memilih dua kawasan iaitu Daerah Seremban dan Daerah Rembau untuk mengkaji kes-kes pesaka samada kes tersebut telah diputuskan mengikut adat ataupun faraid. Kajian ini dibuat bertujuan untuk memberi penilaian secara objektif sejauhmana pembahagian pesaka yang telah diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih di kedua-dua daerah berkenaan mempunyai pengaruh adat atau amalan mereka yang telah disesuaikan dengan pengaruh Islam.

Daerah Rembau dipilih sebagai 'sampel' dalam kajian memandangkan masyarakat adat di daerah ini masih berpegang kuat dengan Adat Perpatih dalam kehidupan mereka samada yang menyentuh hal-hal perkahwinan, penceraian dan pembahagian pesaka. Kajian kes nanti akan dapat memberi gambaran sejauhmana kes-kes pesaka menurut adat telah dikendalikan di daerah ini berbanding dengan kes-kes faraid yang telah dibawa dan dibicarakan mengikut faraid.

Manakala Daerah Seremban pula ialah daerah di mana penduduknya bercampur antara orang Melayu Minangkabau dengan masyarakat lain dan di daerah ini tiada Tanah Adat dan ia tidak tergolong dalam Tanah Pesaka Adat sepertimana dalam Daerah Rembau. Dengan demikian Kes-kes dibawa dan diselesaikan di sini, pada keseluruhannya menurut cara pembahagian faraid atau cara muafakat.

Suatu fakta yang menarik dalam kajian ini ialah didapati bahawa meskipun penduduk Negeri Sembilan di Seremban diberi kebebasan sama ada mengikut cara pembahagian faraid atau cara muafakat, namun sebahagian besar daripada mereka adalah memilih cara muafakat dalam penyelesaian kes-kes pesaka di kalangan mereka sendiri.

Ini terbukti daripada jumlah kes tersebut di mana 1,083 kes atau 93.12% telah dikendalikan melalui cara muafakat. Penyelesaian kes mengikut cara faraid hanyalah 80 kes sahaja atau 6.87% sejak tahun 1982-87 (Lihat jadual 2 (A)).

Di Daerah Rembau pula, kita dapati antara 1982-87 terdapat sejumlah 626 kes dan kes Tanah Pesaka Adat yang tidak dapat diselesaikan di Rembau hanyalah 41 kes sahaja (Lihat jadual 2 (B)). Manakala kes faraid pula berjumlah kira-kira 621 kes dan 60 kes adalah kes yang dapat diselesaikan (Lihat jadual 3 (A)).

Meskipun perbezaan kes-kes yang tidak dapat diselesaikan iaitu Tanah Pesaka Adat dan Tanah Faraid, namun sebaliknya didapati bahawa dalam kes faraid hanya sebahagian saja mereka yang setuju membawa kes-kes ke Mahkamah untuk mendapat keputusan secara faraid iaitu 11.93 %, manakala pembahagian pesaka menurut muafakat 88.06 % (Lihat jadual 3 (B)). Keadaan ini jelas menunjukkan pengaruh adat masih kuat lagi dalam penyelesaian pesaka yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan.

Jika dibandingkan dengan Daerah Seremban di mana Tanah Pesaka Adat tidak kedapatan, pengaruh adat masih lagi kuat di mana cara pembahagian secara muafakat adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pembahagian secara faraid.

JADUAL 2(A)Kes-kes Tanah Faraid Di Daerah Seremban (1982-87)

Jumlah kes yang telah didaftarkan - 1345 kes

Jumlah kes yang tidak selesai - 110 kes

Jumlah kes yang telah dibatalkan - 72 kes

182 kes

Jadi, jumlah kes yang tidak selesai dan telah dibatalkan ialah 182 kes atau 13.53 %.

Jumlah kes yang telah selesai dibicarakan ialah 1163 kes.

Cara Pembahagian.

Jumlah kes yang dibahagi menurut faraid - 80 kes atau 6.87 %.

Jumlah kes yang dibahagi menurut muafakat - 1083 kes atau 93.12 %.

TAHUN	JUMLAH KES YANG TELAH DIDAFTARKAN	JUMLAH KES YANG TIDAK SELESAI	JUMLAH KES YANG TELAH DIBATALKAN
1982	184	7	15
1983	223	12	9
1984	211	18	7
1985	241	9	18
1986	228	20	8
1987	258	44	15
Jumlah	1345	110	72

JADUAL 2 (B)

JUMLAH KES-KES TANAH PESAKA ADAT DAERAH REMBAU (TAHUN 1982-1987).

TAHUN	JUMLAH KES YANG TELAH DIDAFTARKAN	JUMLAH KES YANG TIDAK SELESAI	JUMLAH KES YANG TELAH DIBATALKAN
1982	75	10	3
1983	115	6	1
1984	93	7	3
1985	91	4	-
1986	130	10	6
1987	122	4	6
Jumlah	626	41	19

Jumlah kes yang telah didaftarkan - 626 kes

Jumlah kes yang tidak selesai - 41 kes

Jumlah kes yang telah dibatalkan - 19 kes

Jumlah	60 kes = 9.58 %
--------	-----------------

Jadual 3 (A).KES-KES TANAH FARAIID DAERAH REMBAU (1982-1987).

TAHUN	JUMLAH KES YANG TELAH DIDAFETARKAN	JUMLAH KES YANG TIDAK SELESAI	JUMLAH KES YANG TELAH DIBATALKAN
1982	66	4	9
1983	100	2	2
1984	101	2	10
1985	106	3	10
1986	120	14	1
1987	128	35	1
Jumlah	621	60	33

JADUAL 3 (B)KES-KES PEMBAHAGIAN PESAKA DAERAH REMBAU (TANAH FARAIID)
DARI TAHUN 1982-87.

Jumlah kes yang telah didaftarkan	- 621 kes
Jumlah kes yang tidak selesai	- 60 kes atau 9.66 %
Jumlah kes yang telah dibatalkan	- 33 kes atau 5.31 %
Jumlah	93 kes atau 14.97 %

Jadi, jumlah kes yang tidak selesai dan telah dibatalkan ialah 93 kes atau 14.97 %.

Jumlah kes yang telah selesai dibicarakan - 528 kes.

Cara pembahagian.

i- Pembahagian secara faraid	- 63 kes atau 11.93 %
ii- Pembahagian secara muafakat	- 465 kes atau 88.06 %
Jumlah	528 kes atau 99.06 %

Dalam penyelesaian Harta Pesaka Kecil dalam tempoh satu tahun iaitu tahun 1987 antara dua daerah yang berbeza iaitu Daerah Rembau dan Daerah Seremban, didapati kes-kes yang tidak dapat diselesaikan di Daerah Seremban adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan Daerah Rembau (lihat jadual 4). Ini memang tidak dapat dinafikan kerana Seremban merupakan ibu Negeri Sembilan yang mempunyai penduduk yang lebih ramai lagi jika dibandingkan dengan penduduk di dalam Daerah Rembau.

**JADUAL 4 : PENYATA BULANAN PENYELESAIAN HARTA PESAKA
KECIL BAGI TAHUN 1987.**

Bulan	Daerah	Baki Bulan Lepas	Kes Yang Diterima	Jumlah	Panggil Bicara	Selesai	Baki
Jan	Seremban	56	38	94	27	15	79
	Rembau	39	8	47	22	12	35
Feb	Seremban	79	26	105	48	75	75
	Rembau	35	4	39	16	9	30
Mar	Seremban	75	10	85	22	15	70
	Rembau	30	11	41	8	7	34
Apr	Seremban	70	23	93	27	14	79
	Rembau	34	29	63	8	5	58
Mei	Seremban	79	14	93	33	23	70
	Rembau	58	12	70	11	6	64
Jun	Seremban	70	23	93	15	8	85
	Rembau	64	16	80	13	7	73
Jul	Seremban	85	29	114	37	22	92
	Rembau	73	11	84	19	12	72
Ogos	Seremban	92	17	109	21	11	98
	Rembau	72	25	97	33	6	91
Sep	Seremban	98	31	129	43	24	105
	Rembau	91	5	96	26	14	82

Okt	Seremban	105	14	119	46	32	87
	Rembau	82	9	91	16	10	81

Nov	Seremban	87	15	102	20	14	88
	Rembau	81	9	100	16	5	95

Dis	Seremban	88	21	109	12	5	104
	Rembau	95	4	99	12	5	94

mengikut cara pembahagian adat hanyalah 60 kes di mana 41 kes tidak dapat diselesaikan, manakala 19 kes telah dibatalkan permohonannya. Jadi, jumlah kes yang dapat diselesaikan oleh pihak yang bertanggungjawab ialah 566 kes atau 90.41 % dan kes yang tidak selesai ialah 60 kes atau 9.58 sahaja.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar kes-kes Tanah Pesaka Adat dapat diselesaikan kerana cara pembahagiannya mengikut cara adat yang hanya melibatkan golongan perempuan saja tanpa melibatkan kaum lelaki.

3.3.3 Analisa Kes-kes Tanah Faraid Daerah Rembau (1982-87).

Jumlah kes-kes Tanah Faraid Daerah Rembau yang telah pun didaftarkan sejak dari tahun 1982-87 (Lihat Jadual 3 (B)) ialah 621 kes sahaja. Namun begitu, jumlah kes yang tidak dapat diselesaikan ialah 60 kes atau 9.66 %, manakala jumlah kes yang telah dibatalkan ialah sebanyak 33 kes atau 5.31 %. Jadi, jumlah keseluruhan kes yang tidak selesai dan telah dibatalkan ialah 93 kes ataupun 14.97 % daripada 621 kes yang telah didaftarkan di Pejabat tersebut.

Oleh itu, jumlah kes yang dapat diselesaikan oleh pihak yang berkenaan ialah 528 kes sahaja daripada 621 kes yang telah didaftarkan sejak tahun 1982-87. Cara pembahagian pesaka yang telah dilaksanakan mengikut

pembahagian faraid ialah 63 kes atau 11.93 %, manakala pembahagian secara muafakat antara ahli-ahli waris ialah 465 kes atau 88.06 % (Lihat Jadual 3 (B)). Jadi, dari cara pembahagian ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan masih lagi mengamalkan cara pembahagian mengikut muafakat di mana sebahagian besar cara ini melebihi bahagian terhadap anak perempuan.

3.4 KEDUDUKAN KES-KES PESAKA YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN.

Dalam kajian penulis tentang kes-kes pesaka di Daerah Seremban dan Daerah Rembau, didapati bahawa kes-kes pesaka yang tidak dapat diselesaikan pada keseluruhannya adalah kes-kes yang berkaitan pesaka menurut faraid sahaja.

Di Daerah Seremban umpamanya (lihat jadual 1), antara tahun 1982-87 terdapat kira-kira 1,345 kes yang telah didaftarkan dan daripada jumlah kes tersebut hanya 1,163 kes sahaja yang dapat diselesaikan. Manakala 182 kes atau 13.5 % adalah terdiri daripada kes-kes yang tidak dapat diselesaikan dan keseluruhan kes adalah berkaitan dengan faraid.

Menurut penelitian penulis, jenis yang tidak dapat diselesaikan oleh sebab-sebab dari sikap ahli waris sendiri. Contohnya, seperti dalam kes permintaan daripada

Abd. Ghani bin Abu Bakar¹ di mana perbicaraan terpaksa ditangguhkan kerana ramai waris tidak hadir di dalam perbicaraan yang diadakan itu.

Manakala sebab lain ialah tiadanya persepakatan antara ahli waris dalam masalah untuk membahagikan harta pesaka simati. Contohnya, seperti dalam kes permintaan daripada Alias bin Ahmad² di mana perbicaraan dalam kes ini juga tidak dapat diselesaikan oleh Pejabat Tanah Rembau.

3.4.1 Sebab-sebab Kes Dibatalkan.

Pada amnya kes-kes yang telah dibatalkan itu adalah merupakan kes yang tidak boleh didaftarkan untuk dibicarakan, antara sebab-sebab sesuatu kes itu terpaksa dibatalkan ialah :

1. Tanah peninggalan simati itu adalah merupakan tanah Faraid sedangkan permohonan itu dibuat dalam Tanah Adat, begitulah juga jika sebaliknya di mana Tanah itu Tanah Adat sedangkan permohonan dibuat dalam Tanah Faraid.

¹ Kes No. 9 PTR 349, 1987. (Lihat Lampiran C)

² Kes No. 1 PTR 349, 1982. (Lihat Lampiran C)

2. Tiada caveat yang didaftarkan terhadap harta itu.
3. Harta itu ada mengandungi wasiat (will) di mana permohonannya terpaksa dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.
4. Pemohon harta itu sendiri telah meninggal dunia.
5. Alamat baru pemohon itu tidak dapat dikesan lagi.
6. Pemohon tidak hadir dalam perbicaraan walaupun telah tiga kali dipanggil untuk berbuat demikian¹.
7. Kes itu telahpun dibicarakan sebelumnya.
8. Pemohon itu sendiri telah menarik balik terhadap permohonan yang telah dibuat itu.
9. Permohonan harta itu telahpun dibuat atau didaftarkan.
10. Harta simati itu telahpun dipindahmilik kepada orang lain.
11. Simati sendiri tidak mempunyai harta ataupun harta itu tiada tercatat nama simati.
12. Harta itu melebihi \$600,000 dan terpaksa dipindahkan ke Mahkamah Tinggi kerana itu adalah bidang kuasanya.

¹Kes No. 3 (Lihat Lampiran B)

3.5 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PEJABAT DAERAH DALAM MENYELESAIKAN KES-KES PESAKA.

Masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah Rembau dan juga Seremban dalam menyelesaikan kes-kes pesaka adalah banyak, sama ada masalah tersebut melibatkan Pegawai Pembahagian Pesaka sendiri ataupun Pejabat-pejabat kerajaan dan orang perseorangan didalam tugas pembahagian pesaka itu.

Pejabat-pejabat kerajaan yang terlibat dalam pemberian dan juga penyelesaian kes-kes pesaka ini antaranya ialah :

1. Pejabat Daerah di mana Dato' Penghulu akan menjalankan siasatan tentang harta dan waris si mati.
2. Pejabat Tanah di mana Pegawai Petempatan akan membuat penilaian, pembahagian, pendaftaran tentang hakmilik harta si mati ataupun pindahmilik.
3. Mahkamah Tinggi bertanggungjawab untuk menyelesaikan kes-kes harta yang melebihi \$600,000 dan juga sekiranya wujud perasaan tidak puas hati di kalangan ahli waris terhadap perintah pembahagian yang telahpun diputuskan.
4. Pejabat Qādī bertugas untuk menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan pembahagian cara faraid sahaja.
5. Pejabat Hak Milik Geran Tanah.

6. Pejabat Pemegang Amanah Raya.

Kesemua badan-badan ini akan memberikan kerjasama kepada Pegawai Pembahagian Pesaka dalam menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan pesaka. Jadi, sebarang masalah yang dihadapi oleh badan tersebut akan memberi kesan terhadap kelicinan perjalanan pentadbiran pesaka itu sendiri.

3.5.1 Masalah Pengurusan Perbicaraan.

Terdapat banyak masalah yang terpaksa dihadapi oleh pihak pengurusan dalam pembahagian pesaka ini, antaranya ialah untuk mendapatkan buti-butir tanah serta keluasaannya. Kadangkala butir-butir yang diberikan itu tiada terutamanya bagi tanah-tanah yang belum mempunyai geran yang kekal ataupun geran itu belum dikeluarkan. Jadi, keadaan ini tentunya menimbulkan kesulitan kepada pihak pejabat pembahagian pesaka untuk menilai ataupun untuk membuat penentuan hak milik ketika perbicaraan itu dijalankan.

Dalam hal untuk mengatasi masalah ini, pihak pengurusan terpaksa menyemak segala buti-butir mengenai tanah dan keluasaannya yang telah diberikan oleh pemohon itu serta memastikan bahawa maklumat itu adalah lengkap. Sekiranya tidak lengkap butir-butir yang dikehendaki itu, pihak yang bertanggungjawab adalah berhak untuk menolaknya.

Disamping itu juga, pihak pengurusan Pejabat Penyelesai Pesaka Kecil juga menghadapi masalah daripada waris-waris itu sendiri terhadap sesuatu perbicaraan. Keadaan ini berlaku adalah akibat dari sikap waris itu sendiri. Di antaranya masalah-masalah itu ialah¹:

1. Sikap tidak ambil berat dari waris si mati sendiri terhadap harta peninggalan si mati di mana mereka tidak mengemukakan permohonan untuk pembahagian setelah tuan punya harta itu mati berpuluh-puluh tahun lamanya. Di samping itu keterangan tentang kematian iaitu surat mati juga telah hilang². Sekiranya pihak waris tidak membuat permohonan pembahagian pesaka harta-harta si mati, ini akan menimbulkan waris-waris yang berlapis dan kadangkala waris-waris itu sendiri tidak dapat memberikan maklumat yang lengkap tentang zuriat si mati dengan detail.
2. Terdapat juga waris-waris yang tidak mahu bertolak ansur dalam hal ini. Mereka tidak mahu berunding terlebih dahulu sebelum diadakan perbicaraan itu³.

¹ Temubual dengan Encik Sulaiman bin Kadimi, Pegawai Pembahagian Pesaka Negeri Sembilan Timor, pada 11hb. Februari, 1989.

² Kes No. 9 (Lihat Lampiran C)

³ Kes No. 2 (Lihat Lampiran D)

Ini kerana ada waris yang mahukan harta itu dibahagikan mengikut syara^C sekiranya cara ini menguntungkannya, begitulah juga sebaliknya. Ada juga terdapat waris yang mahukan semua harta si mati itu dengan alasan dialah yang menjaga dan memelihara si mati ketika beliau masih hidup ataupun ketika si mati sakit.

3. Apabila tiadanya persefahaman waris-waris menyebabkan ada di antara mereka yang tidak mahu menghadirkan diri pada hari perbicaraan ataupun mereka tinggal di tempat yang jauh dari tempat perbicaraan itu. Jadi, keadaan ini menyebabkan perbicaraan itu akan ditunda kepada tarikh yang lain pula.
4. Kadangkala terdapat juga nama yang berlainan antara pemilik itu dengan nama si mati, pada hal itu adalah orang yang sama juga. Dengan ini waris-waris si mati terpaksa dihubungi untuk memastikan akan kebenaran hal tersebut dan mereka akan diminta untuk bersumpah terlebih dahulu untuk membuktikan kebenaran keterangan itu. Keadaan ini tentunya akan mengganggu kelicinan perjalanan perbicaraan tersebut.
5. Terdapat juga butir-butir yang diberikan oleh waris itu tidak lengkap. Ini juga menimbulkan masalah yang akhirnya perbicaraan itu terpaksa ditunda sehingga maklumat itu telah lengkap.

6. Waris-warisi mati yang telah berhijrah ketempat yang baru tidak memberikan alamat yang terbaru¹. Ini menyebabkan mereka sukar ataupun tidak dapat dihubungi langsung. Sikap yang tidak indah dari waris ini menyebabkan kesulitan kepada pihak penyelesaian pesaka. Di samping itu ketiadaan waris itu menyebabkan keputusan perbicaraan itu terpaksa ditangguhkan.
7. Terdapat juga waris yang tamak dengan harta si mati itu dan mereka akan menyembunyikan geran-geran tanah tersebut dengan tujuan untuk membolot semua harta pesaka si mati ataupun ingin menjual harta itu kepada orang lain secara tidak rasmi.

Dalam hal untuk mengatasi masalah sikap-sikap waris yang demikian itu, pihak Pejabat Penyelesai Pesaka Kecil hendaklah memberi panduan yang lengkap berhubung dengan proses dalam masalah pembahagian pesaka itu. Dengan panduan yang dilampirkan bersama borang permohonan pesaka sedikit sebanyak akan memberi peringatan kepada ahli waris. Sekiranya mereka gagal mematuhi peraturan itu pihak yang berkenaan bolehlah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk peringatan kepada mereka seperti mengenakan denda. Cara begini tentunya akan memberikan kesedaran dan peringatan kepada mereka.

¹Kes No.6 (Lihat Lampiran C)

Dalam perbicaraan harta pesaka telah menimbulkan berbagai masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam menyelesaikan pembahagian pesaka. Masalah-masalah tersebut bolehlah dibahagikan kepada :

1. Masalah Pentadbiran dan perbicaraan.
2. Masalah dari pihak orang ramai.

1. Masalah Pentadbiran dan Perbicaraan.

Masalah Pentadbiran dan Perbicaraan bolehlah dibahagikan kepada masalah-masalah berikut :

a - Dalam Masalah Ruang Pejabat.

Masalah ini juga dihadapi oleh pihak Pentadbir Penyelesai Pesaka di Daerah Rembau. Ini kerana didapati ruang Pejabat ini terlalu sempit dan tidak begitu selesa kepada orang ramai untuk digunakan sebagai tempat menunggu perbicaraan, lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan waris-waris yang ramai.

Kesesakan waris-waris yang menunggu di ruang ini tentunya boleh mengganggu tugas Pegawai Kerani dan juga kakitangan lain yang sedang menjalankan tugas masing-masing. Kadangkala kakitangan itu sering diganggu dengan berbagai pertanyaan dari waris-waris tersebut berkenaan dengan masalah yang mereka hadapi sendiri. Ini tentunya sedikit sebanyak telah menimbulkan kurangnya penumpuan mereka terhadap kerja-kerja yang sedang dilakukan

sehingga kadang-kadang tergendala kerana terpaksa melayan segala pertanyaan atau keperluan dari waris-waris itu.

Di samping itu juga di Daerah Rembau, perbicaraan itu terpaksa diadakan di dalam bilik Pegawai yang sempit dan dipenuhi dengan meja, fail-fail dan juga almari. Ini menimbulkan beberapa kesulitan lebih-lebih lagi apabila waris-waris yang menghadiri perbicaraan itu ramai sehingga kadangkala ada juga di antara mereka yang terpaksa berdiri di belakang kerana kekurangan kerusi.

Oleh kerana kesesakan di bilik tersebut tentunya menyebabkan Pegawai yang bertugas tidak dapat menjalankan sesuatu perbicaraan itu dengan sempurnanya. Kadangkala Pegawai tersebut terpaksa meminta bantuan dari waris-waris itu sendiri untuk mendapatkan fail-fail atau lain-lain keperluan yang diperlukan semasa perbicaraan itu sedang berjalan. Ini kerana Pegawai itu tidak dapat menghubungi Kerani Pesaka ataupun kakitangan lain sekiranya terdapat sebarang masalah yang berkaitan dengan sesuatu kes yang sedang dibicarakan itu.

b - Penghulu Tidak Membuat Siasatan Mendalam.

Dalam peruntukan seksyen 18, Akta (Pembahagian) Pesaka, Penghulu adalah bertanggungjawab untuk melaporkan perkara yang dituntut dalam masa 6 bulan selepas berlakunya kematian kepada Pegawai Pembahagian Pesaka, tetapi apa yang diketahui bahawa Penghulu tidak mengikuti peruntukan ini. Sebahagian mereka hanya membuat laporan

semata-mata hanya berdasarkan kepada laporan dari pemohon sendiri. Mereka tidak membuat penyiasatan secara mendalam, cuma memastikan sahaja melalui pemohon apabila mereka diminta untuk datang ke Balai Penghulu.

Pemohon itu akan menerangkan waris-waris si mati dan kemungkinan juga berlakunya penipuan dalam hal ini. Terdapat juga pemohon yang tidak memberikan kerjasama seperti tidak hadir walaupun setelah tiga kali dipanggil oleh penghulu. Ini menyebabkan fail-fail ini terpaksa dikemukakan ke Pejabat Pembahagian Pesaka di bahagian fail bertanggung sehinggalah mendapat kerjasama dari waris yang berkenaan dalam hal ini.

2. Masalah Dari Pihak Orang Ramai.

Salah satu faktor utama yang menyebabkan pengurusan dan penyelesaian pesaka bagi orang-orang Islam di Daerah Rembau dan Seremban adalah berpunca dari kelemahan dari pihak orang ramai sendiri yang telah menimbulkan berbagai masalah kepada pihak yang berkuasa.

a. Masalah Kejahilan Waris.

Dalam masalah penyelesaian harta pesaka, salah satu faktor utama yang menyebabkan kelewatan penyelesaian pesaka ialah kerana mereka kurang memahami undang-undang pembahagian harta pesaka. Mereka telah meletakkan sepenuh tanggungjawab kepada orang yang dipercayai seperti peguam untuk menguruskan harta pesaka si mati.

Pihak peguam pula akan mengenakan bayaran yang tinggi kepada mereka. Pada hal urusan permohonan pesaka ini boleh diuruskan oleh mereka sendiri tanpa melibatkan orang lain. Semuanya ini adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan mereka mengenai sesuatu undang-undang hinggakan mereka mempunyai anggapan bahawa kes tersebut hanya boleh diselesaikan melalui peguam sahaja.

Salah satu masalah yang sering dihadapi oleh waris-waris ialah mereka menaruh sepenuh kepercayaan kepada anak sulung si mati yang seharusnya menjadi "Kepala Kuasa" (Peminta Kuasa) bagi menguruskan hal-hal yang berkaitan dalam masalah pembahagian pesaka antara waris-waris si mati. Pada umumnya anak sulung itu akan terlebih dahulu mengerjakan harta pesaka si mati itu dan mungkin ia akan mengambil kesempatan yang diberikan kepadanya untuk melambat-lambatkan pengambilan kuasa kepada waris-waris yang berhak. Ini kerana bimbang kemungkinan bahagiannya akan berkurangan setelah dibahagikan kelak. Manakala waris-waris lain yang lebih muda darinya dan yang belum cukup umur akan sentiasa menghormatinya sebagai kepala waris. Sekiranya kepala waris ini melambat-lambatkan permohonan pengambilan kuasa, ini tentunya akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan waris lain. Oleh itu, hal ini tentunya akan menimbulkan perbalahan antara mereka dalam masalah ini.

Masalah ini hendaklah diatasi dengan segera supaya orang yang terlibat tidak akan ditipu oleh golongan yang tertentu. Taklimat, penerangan dan juga panduan hendaklah diberikan khususnya kepada masyarakat luar bandar tentang hal-hal yang berkaitan dengan masalah dalam pembahagian pesaka itu sendiri. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini diantaranya ialah :

1. Penerangan yang berbentuk lisan, ini boleh diberikan oleh Pegawai Penerangan ketika mengadakan pertunjukan wayang gambar dari kampung ke kampung. Pendedahan juga hendaklah diberikan kepada Ketua Kampung, Penghulu, Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung sama ada dalam bentuk seminar ataupun kursus jangka pendek, agar dengan cara ini penerangan yang diperolehi itu akan disampaikan kepada penduduk kampung masing-masing.
2. Pegawai-pegawai yang mempunyai peranan dalam masalah pembahagian pesaka juga boleh mengadakan dialog dengan penduduk kampung secara terbuka mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pembahagian tanah.

Dalam cara ini iaitu melalui maklumat dan penerangan yang jelas itu Insya' Allah tidak akan timbul lagi masalah kejahilan penduduk luar bandar tentang pentadbiran harta pesaka itu sendiri.

b. Masalah Kehilangan Dokumen¹.

Masalah kehilangan dokumen ini merupakan salah satu masalah yang menyebabkan sesuatu kes pembahagian harta pesaka itu memakan masa yang panjang. Ini kerana sebelum pembahagian pesaka itu dilakukan, waris-warisi mati dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen penting seperti surat bukti kematian, surat-surat keterangan hakmilik dan sebagainya. Keadaan ini lebih tambah merumitkan sekiranya tuan tanah itu telah lama meninggal sedangkan surat-surat yang berkaitan itu dipercayai hilang atau musnah.

Sekiranya surat tentang kematian itu telah hilang, maka warisnya bolehlah mengemukakan perkara itu di pejabat yang berkenaan di mana si mati telah meninggal dunia dengan tujuan untuk mengetahui maklumat tentang kematiannya. Perkara ini boleh juga dilakukan dengan pengakuan secara sumpah oleh saksi yang benar-benar melihat ataupun menyaksikan tentang kematiannya itu. Dalam hal ini, surat sumpah itu diakui sebagai bukti kematian juga.

Di samping itu juga masalah kehilangan surat keterangan hak milik harta si mati menjadi satu masalah, lebih-lebih lagi kiranya surat itu telah dipajak gadaikan

¹Kes No.5 dan 6 (Lihat Lampiran D)

dan pemberi pinjaman itu pula telah meninggal dunia ataupun telah berhijrah ke tempat lain yang tidak dapat dikesan lagi. Jadi, kesukaran untuk mendapatkan semula segala surat keterangan hak milik si mati itu sedikit sebanyak telah menimbulkan masalah kepada waris si mati dan juga pegawai yang bertanggungjawab. Keadaan ini juga akan menyebabkan permohonan menuntut harta pesaka itu turut tergendala sehinggalah segala maklumat yang berkaitan itu telah diperolehi semula.

c. Lambat Mendapat Jawapan Qādī.

Kelewatan mendapatkan jawapan dari pihak Qādī juga akan menyebabkan kes pembahagian secara faraid itu tidak dapat diselesaikan dengan segera. Di dalam masalah faraid ini, Pegawai Pembahagian Pesaka boleh meminta kerjasama dari pihak Qādī untuk menyelesaikan pembahagian tersebut¹. Oleh itu memang tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan oleh Qadi dalam hal ini. Sekiranya pihak Qādī lambat memberikan jawapan terhadap masalah yang dikemukakan kepadanya akan mengakibatkan juga kelambatan dalam masalah pembahagian pesaka itu sendiri.

Kelewatan jawapan dari pihak Qādī ini bukanlah berpunca dari kejahilan tetapi ketiadaan kerjasama dari

¹ Akta (Pembahagian) Pesaka kecil 1955, seksyen 12 (5)

waris si mati itu sendiri. Mereka tidak memberikan tentang kedudukan waris itu dan kaitannya dengan si mati agar dapat dibahagikan bahagian mereka masing-masing dengan ^Cadil seperti yang telah ditetapkan oleh syara^C. Di samping itu juga terdapat ahli waris yang lambat membuat tuntutan pembahagian sehinggalah wujudnya ahli-ahli waris yang berlapis-lapis terhadap harta pesaka yang sama itu¹. Keadaan tersebut tentunya merumitkan bagi Qādi bagi menentukan siapakah yang berhak serta bahagian yang wajib mereka menerimanya.

3.5.2 Masalah Pegawai Penyelesai Pesaka.

Dalam penyelesaian harta pesaka orang-orang Islam di Negeri Sembilan khasnya di Daerah Rembau dan Seremban yang secara tidak langsung juga menggambarkan masalah yang sama juga dihadapi oleh daerah-daerah lain di Negeri Sembilan, berbagai masalah yang sering timbul ketika pembahagian pesaka sedang dijalankan. Huraian masalah-masalah yang melibatkan pegawai yang berkenaan seperti berikut :

¹Temubual dengan Encik Sulaiman Kadimi, Pegawai Pembahagian Pesaka Negeri Sembilan Timor, pada 11hb. Februari, 1989.

1 - Masalah Pertelingkahan waris¹.

Biasanya masalah ini timbul pada Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil sebelum hukuman pembahagian ini dikeluarkan terdapat pertelingkahan antara waris-waris iaitu mereka tidak boleh memberikan keputusan sama ada hendak dibahagikan menurut syara^C ataupun mengikut cara muafakat di antara kedua-dua belah pihak. Kadangkala terdapat waris-waris yang memohon supaya harta itu dibahagikan menurut hukum syara^C sementara isteri pula menuntut harta bersama dan menuntut separuh dari harta-harta itu.

Jadi, perbalahan di antara waris-waris itu timbul juga berkenaan dengan perbelanjaan pengkebumian mayat si mati. Dalam hal ini juga didapati waris-waris si mati jarang mendapat kata sepakat tentang siapakah di antara mereka yang sepatutnya mengeluarkan perbelanjaan tersebut. Pada umumnya tiada sebarang resit-resit, surat-surat hutang ataupun surat perjanjian jualbeli yang ditunjukkan sebagai bukti perbelanjaan itu oleh waris-waris yang bertanggungjawab. Oleh kerana itulah pertelingkahan sering terjadi di kalangan mereka sehingga kadangkala menyebabkan sebahagian dari waris-waris tersebut telah enggan untuk menghadiri diri pada hari perbicaraan dijalankan (Lampiran C).

¹Kes No. 2 (Lihat Lampiran D)

Sekiranya masalah itu tidak dapat diatasi, ianya akan mengakibatkan pengurusan pesaka tidak dapat berjalan dengan lancar. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, Pejabat Peguam Negara hendaklah mengambil dayausaha untuk mengadakan peraturan-peraturan yang lengkap sebagai panduan kepada Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil dan juga terhadap orang ramai yang ada mempunyai kaitan dengan permohonan harta pesaka itu. Peraturan tersebut hendaklah meliputi semua aspek mengenai pembahagian pesaka seperti undang-undang, proses pembahagian dan juga tindakan yang mesti diambil oleh orang ramai dan Pegawai Penyelesai Pesaka apabila sesuatu permohonan dan penyelesaian harta pesaka si mati dibuat di Pejabat Penyelesai Pesaka.

2. Kerumitan Menquatuksa Ahli Waris Yang Tidak Hadir.

Pegawai Penyelesai Pesaka juga sering menghadapi masalah di mana waris-waris yang telah diberikan notis untuk menghadiri dalam sesuatu perbicaraan tetapi enggan hadir. Ada pihak-pihak yang tertentu enggan ataupun sengaja tidak mahu hadir pada hari yang telah ditetapkan kerana sebab-sebab yang tertentu. Akta Pesaka Kecil (Pembahagian) dan Peraturan 1955, tidak memberi kuasa kepada Pegawai Penyelesai Pesaka untuk mengambil sebarang tindakan dengan memaksa waris-waris itu hadir dalam perbicaraan¹.

¹Kes No. 5 (Lihat Lampiran C)

Tindakan hanya boleh diambil sekiranya aduan kepada Mahkamah, tetapi terpaksa mengambil masa yang agak panjang. Biasanya tindakan tidak diambil langsung dan orang-orang yang terlibat terlepas begitu sahaja.

Jadi, dalam hal untuk mengatasi masalah ini, perlulah peraturan dibuat untuk membolehkan Pegawai Pesaka itu mengenakan sebarang denda, waran tangkap dan sebagainya untuk memastikan waris-waris yang berkenaan hadir pada hari perbicaraan yang telah ditetapkan. Bagi berada pula, satu peraturan baru perlulah diadakan untuk kepentingan waris-waris yang lain iaitu dengan menganggap bahawa ia tiada lagi atau 'Presumption of Death'.

3. Masalah Menghantar notis.

Masalah ini sering dihadapi oleh pihak Pejabat Penyelesai Pesaka Daerah Rembau dan juga Daerah Seremban di mana penghantar notis sukar menghubungi waris-waris si mati. Ini kerana terdapat waris-waris yang telah berhijrah ke tempat lain tetapi alamat mereka yang terbaru tidak dapat dikesan oleh pihak yang berkenaan. Keadaan ini tentunya telah menimbulkan masalah kepada Pegawai Penyelesai Pesaka sendiri dan juga waris-waris yang terlibat dalam masalah untuk mendapatkan bahagian masing-masing.

Undang-undang Pembahagian Harta Pesaka Kecil 1955 tidak pula memberikan kuasa kepada Pegawai Penyelesai Pesaka untuk menidakkan bahagian waris-waris yang tidak dapat dikesan itu. Sekiranya pihak Pejabat Daerah begitu yakin bahawa waris yang berhak itu telahpun menerima notis tersebut tetapi mereka dengan sengaja telah enggan atau tidak mahu hadir dalam perbicaraan itu, dalam hal ini perbicaraan itu boleh diteruskan sekiranya pihak yang berkenaan berpuas hati bahawa notis itu telahpun disampaikan. Oleh itu harta tersebut bolehlah dibahagikan mengikut cara pembahagian faraid atau syara^C sekiranya tanah itu adalah tanah faraid¹.

Bagi mengatasi masalah menghantar notis kepada pihak yang berkenaan, sekiranya penghantar notis tidak menemui waris-waris yang terlibat, notis tersebut akan ditampalkan di tempat-tempat awam seperti Pejabat Penghulu Mukim, balairaya, masjid dan lain-lain tempat yang mudah dilihat orang ramai.

3.5.3 Cadangan.

Dalam hal untuk mengatasi sikap ahli waris yang tidak mahu mengambil berat terhadap harta peninggalan si mati atau tidak mahu bertolak ansur, pihak Pejabat Penyelesai Pesaka Kecil hendaklah memberi panduan yang

¹ Temubual dengan Encik Ramly Harun, Pen. Petempatan Ting. Khas (Pen. Pentadbir Tanah Daerah Rembau) pada 26 Januari, 1989.

lengkap berhubung dengan proses dalam masalah pembahagian pesaka itu. Dengan panduan yang dilampirkan bersama borang permohonan pesaka, sedikit sebanyak akan memberi peringatan kepada ahli waris. Sekiranya mereka gagal mematuhi peraturan itu, pihak yang berkenaan bolehlah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk peringatan kepada mereka seperti mengenakan denda. Cara begini tentunya akan memberi kesedaran dan peringatan kepada mereka.

Bagi mengatasi masalah menghantar notis kepada pihak yang berkenaan pula, sekiranya penghantar notis tidak menemui waris yang terlibat, notis tersebut hendaklah ditampalkan di tempat-tempat awam seperti Pejabat Penghulu Mukim, balairaya dan masjid dan lain-lain tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai.

Dalam hal untuk mengatasi masalah kerumitan menguatkuasa ahli waris yang tidak hadir dalam sesuatu perbicaraan, perlulah dibuat peraturan untuk membolehkan Pegawai Penyelesai Pesaka mengenakan sebarang denda, waran tangkap dan sebagainya untuk memastikan waris-waris berkenaan hadir pada hari perbicaraan yang telah ditetapkan itu.

Penerangan kepada penduduk luar bandar sama ada dalam bentuk lisan, seminar, kursus dan dialog secara terbuka bolehlah diadakan untuk mengatasi masalah yang berpunca dari sikap orang ramai yang masih jahil tentang pentadbiran harta pesaka. Dengan cara ini, Insyah Allah

segala masalah yang berpunca dari orang ramai akan dapat melicinkan lagi pentadbiran dalam pembahagian pesaka kepada waris-waris si mati.

KESIMPULAN

Kes-kes yang tidak dapat diselesaikan ataupun terpaksa dibatalkan itu bukanlah berpunca dari pihak pentadbir tetapi sebaliknya berpunca dari waris-waris si mati itu sendiri. Ini kerana pihak yang bertanggungjawab tidak mendapat maklumat-maklumat yang cukup ataupun bukti-bukti yang boleh dikemukakan oleh ahli-ahli waris itu terhadap sesuatu permohonan pembahagian pesaka kepada waris-waris yang berhak terhadap harta itu.

Di samping itu tiadanya permuafakatan ataupun sifat tolak ansur juga menyebabkan sesuatu kes itu telah tergendala. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut, orang ramai perlulah diberikan penerangan tentang undang-undang dan peraturan-peraturan dalam pembahagian pesaka sama ada melalui media massa ataupun dialog-dialog dari masa ke semasa. Dengan cara ini, mereka akan dapat mengetahui tentang tindakan yang seharusnya dilakukan bagi mempercepatkan penyelesaian sesuatu kes pesaka itu.

PENUTUP

Dari seluruh kajian yang telah dilakukan dapatlah disimpulkan bahawa menurut konsep am Adat Perpatih mengenai pewarisan, sistemnya adalah sistem pewarisan kolektif iaitu setiap ahli waris tidak mempunyai hakmilik atas harta peninggalan atau harta pesaka tetapi mempunyai hak pakai sahaja. Adat ini menganggap bahawa suku ini sebagai satu unit berbentuk matrilineal, exogamous dan monogamous.

Di dalam Adat Perpatih, harta itu adalah menjadi milik suku, bukannya individu; ini sekiranya tanah itu adalah tanah adat iaitu harta yang diwarisi secara turun temurun dalam satu suku yang tertentu. Ini menyebabkan golongan lelaki tidak berhak memilikinya tetapi mereka hanya berhak untuk memakan hasil seumur hidup sahaja (life occupant). Keadaan ini bercanggah dengan syara^C, contohnya syara^C telah menetapkan bahawa bahagian anak lelaki adalah dua bahagian anak perempuan kerana tanggungjawab seseorang lelaki itu adalah lebih berat iaitu terpaksa menyara hidup anak dan isterinya.

Menurut catatan sejarah, terdapat 12 suku dalam Adat Perpatih di mana Suku Biduanda merupakan suku yang mempunyai kedudukan istimewa jika dibandingkan dengan suku-suku yang lain. Ini kerana anggota daripada suku inilah yang mempunyai hak untuk menyandang jawatan

undang-undang luak.

Di kalangan masyarakat bersuku ini, orang lelaki akan tinggal di kawasan kepunyaan ibu isterinya (ibu mertua) dan dia dipanggil sebagai 'orang semenda'. Setiap suku itu pula terbahagi kepada kumpulan kecil iaitu 'perut' yang diketuai oleh seorang buapak. Menurut adat ini, seseorang itu berkemungkinan menjadi anggota perut walaupun tiada mempunyai hubungan darah.

Proses ini dinamakan 'berkedim' yang makna umumnya ialah saudara. Kedim ini terbahagi pula kepada dua jenis iaitu kedim pada adat dan pesaka dan kedim pada adat pada lembaga.

Satu lagi konsep penting dalam Adat Perpatih ialah merantau di mana anak-anak muda keluar mencari rezeki bagi mengumpulkan harta. Dengan cara ini akan dapat menambahkan lagi pengalaman bagi seseorang anak lelaki sama ada yang bakal menjadi pemimpin masyarakat atau ketua dalam sesebuah masyarakat. Manakala Adat Temenggong adalah berbeza dengan Adat Perpatih di mana adat ini, sistem kekeluargaan adalah berbentuk 'bilateral' sedangkan Adat Perpatih sistem kekeluargaannya bersifat 'matrilineal'. Walaupun begitu Adat Temenggong tidak membezakan anggotanya mengikut puak kerana tiadanya sistem suku tetapi adat ini banyak dipengaruhi oleh hukum syara^C.

Sistem pesaka Islam merupakan suatu sistem pembahagian yang adil dan sempurna di mana sistem ini telah menentukan siapakah yang lebih berhak terhadap harta peninggalan si mati dan juga menentukan bahagian masing-masing. Islam juga telah menetapkan bahagian yang tertentu supaya berlaku pemilikan secara adil mengikut hak masing-masing dan tidak berlaku kezaliman dengan dimiliki oleh golongan-golongan tertentu sahaja. Keadilan Allah dalam menetapkan bahagian masing-masing menyebabkan seseorang anak akan dapat menikmati hasil usaha ayahnya, begitu juga seseorang isteri itu akan dapat merasai hasil usaha suaminya.

Dalam Islam, sebab-sebab yang membolehkan seseorang itu mewarisi pesaka ada tiga iaitu kekerabatan, perkahwinan dan wala'. Ini bermakna, apabila wujudnya sebab-sebab tersebut bolehlah seseorang itu mewarisi pesaka dari seseorang yang lain dengan syarat tiada apa-apa halangan lain.

Dalam pembahagian harta pesaka kepada ahli-ahli waris terdapat beberapa prosedur tertentu yang harus diikuti sebelum pembahagian pesaka dilakukan. Pertamanya, permohonan pembahagian mestilah dibuat terlebih dahulu oleh waris-waris yang berhak dengan cara melantik salah seorang daripada mereka untuk menguruskan penyelesaian pesaka itu. Maklumat yang perlu diisi ialah bukti-bukti nilai harta, nama-nama ahli waris dan kaitannya dengan si mati.

Setelah permohonan pembahagian selesai, barulah penilaian akan dibuat ke atas harta-harta si mati untuk menentukan sama ada harta itu termasuk dalam kategori harta pesaka kecil iaitu nilainya tidak melebihi \$600,000 atau sebaliknya. Penilaian akan dilakukan oleh Pegawai Petempatan atau Pegawai Penyelesai Pesaka daerah berkenaan di mana tanah itu berada di dalam bidang kuasanya.

Setelah selesai penilaian dibuat, permohonan itu akan dihantar ke Mahkamah Qāḍī untuk difaraidkan mengikut bahagian masing-masing. Dalam masalah Tanah Pesaka Adat, Mahkamah Qāḍī tidak dapat melaksanakan dan menerima cara pembahagian adat dan ia hanya boleh dilakukan oleh Mahkamah Adat sahaja.

Setelah itu barulah notis perbicaraan akan dihantar kepada waris-waris yang berhak sebulan sebelum tarikh perbicaraan itu diadakan. Perbicaraan itu akan dilakukan oleh Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil, manakala di Daerah Rembau akan dilakukan oleh Pegawai Petempatan bagi kes-kes Tanah Adat sahaja.

Setelah perbicaraan pembahagian pesaka itu selesai, kadangkala ada di antara ahli waris yang kurang berpuas hati dengan keputusan perbicaraan itu. Keadaan ini akan menyebabkan wujudnya pertelingkahan bersampingan. Ini boleh diselesaikan dalam perbicaraan lain dalam tempoh dua bulan dari tarikh arahan itu

dikeluarkan dengan syarat pertikaian itu adalah mengenai harta tidak alih, jika harta alih nilainya mestilah melebihi \$600,000.

Sebenarnya, segala keputusan yang dikeluarkan adalah bergantung kepada temuduga waris-warisi mati di mana mereka diminta bersumpah terlebih dahulu sebelum memberikan sebarang keterangan yang berkaitan. Sekiranya terdapat ahli waris yang tidak berpuas hati terhadap perintah pembahagian itu, mereka bolehlah membuat rayuan untuk perbicaraan semula yang hanya boleh dilakukan di Mahkamah Tinggi. Rayuan itu boleh dilakukan sekiranya ada harta si mati yang tidak dimasukkan dalam permohonan yang asal. Keadaan ini kadangkala berlarutan hingga menyebabkan berlakunya perbicaraan untuk kali keduanya.

Semua masalah tersebut akan diselesaikan oleh Pegawai Penyelesai Pesaka yang mana ini adalah salah satu daripada tanggungjawabnya. Namun begitu, masalah yang berkaitan dengan Tanah Pesaka Adat akan diselesaikan oleh Dato' Lembaga bagi setiap suku. Sebelum memutuskan sesuatu kes perbicaraan itu, Pegawai Penyelesai Pesaka perlu menimbangkan bidangkuasa yang telah diperuntukkan dalam Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Di samping itu, Pegawai Penyelesai Pesaka hendaklah menyiasat setiap permohonan, membicarakan dan mengeluarkan sebarang keputusan terhadap perbicaraan

tersebut. Beliau juga berhak untuk membuat perintah perlantikan seseorang sebagai penjaga kepada orang yang belum sempurna akal nya sedangkan ia berhak menerima pesaka tersebut.

Undang-undang Pembahagian Harta Pesaka Kecil sedikit sebanyak dapat membantu dalam menyelesaikan berbagai masalah yang dihadapi dalam pembahagian sesuatu harta pesaka kecil itu. Setiap kes harta pesaka kecil yang tidak menghadapi sebarang masalah akan dapat diselesaikan dalam tempoh empat hingga lima bulan sahaja dan ini telah memenuhi tujuan asal penggubalan undang-undang tersebut.

Tetapi perlu juga disedari bahawa tidak semua kes yang dikemukakan itu mudah untuk diselesaikan. Terdapat banyak kes yang rumit yang tidak dapat diselesaikan dengan segera. Penyelesaian kes-kes tersebut kadangkala memakan masa hingga bertahun-tahun. Sebagai contohnya, sehingga akhir tahun 1987 di Daerah Seremban dan Rembau terdapat sejumlah 198 kes yang tidak dapat diselesaikan yang boleh digolongkan kepada dua kategori iaitu kes-kes yang ditangguhkan dan kes-kes yang sedang menunggu maklumat dari waris-waris.

Secara amnya, kes-kes yang ditangguhkan itu adalah timbul dari kalangan orang-orang Melayu memandangkan mereka adalah penduduk majoriti di daerah tersebut. Manakala kes-kes yang tidak dapat diselesaikan

itu pada amnya berpunca dari berbagai masalah sama ada timbul daripada pentadbiran dan perundangan atau masalah-masalah luaran terutamanya masalah perhatian masyarakat terhadap masalah pesaka. Ini disebabkan sebahagian dari mereka bersikap indah tidak indah dalam usaha menuntut kuasa, tidak bermuafakat untuk memiliki tanah dan tidak hadir dalam perbicaraan kerana ada perselisihan faham dalam keluarga.

Timbulnya masalah ini kerana undang-undang pembahagian pesaka itu tidak memperuntukkan beberapa peruntukan yang penting yang membolehkan pihak waris dan Pegawai Penyelesai Pesaka untuk bertindak segera dalam menyelesaikan sesuatu kes itu. Ia juga banyak bergantung kepada pihak-pihak lain. Sekiranya kelemahan salah satu pihak tentunya akan mengakibatkan kelewatan untuk menyelesaikan kes-kes pembahagian pesaka berkenaan.

Cara Mengatasinya.

Mengenai Undang-undang Tanah khususnya, harta pesaka perlulah ada kerjasama antara waris apabila hendak membuat sesuatu permohonan agar perselisihan dan pertelingkahan sesama mereka akan dapat diselesaikan. Memandangkan pengaruh adat masih kuat dalam pembahagian pesaka, peranan Qādī dan Pejabat Agama patut dilipatgandakan dengan memberi penerangan-penerangan tentang cara pembahagian harta pesaka mengikut lunas-lunas Islam yang sebenarnya supaya dapat menyangkal

tuduhan-tuduhan yang menyatakan bahawa sistem pembahagian harta pesaka dalam Islam menyebabkan berlakunya pemecahan tanah yang tidak ekonomi.

Bagi mengatasi masalah orangramai yang selalunya memberikan sambutan yang dingin terhadap masalah pembahagian pesaka, tindakan yang positif perlulah diambil seperti memberi penerangan yang seluas mungkin kepada para penduduknya terutama yang tinggal di kawasan luar bandar yang kebanyakannya tidak memahami hal keadaan sebenar tentang pembahagian harta pesaka. Kalaupun masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan segera, selama itulah masalah pembahagian pesaka itu akan mengalami kesukaran. Kerjasama dari orangramai tidak mungkin akan diperolehi kerana mereka kurang memahami tentang masalah-masalah pembahagian harta pesaka itu. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut beberapa langkah-langkah positif perlulah dilaksanakan dengan beberapa cadangan antaranya ialah :

1. Pejabat Pengarah Tanah ataupun Pejabat Tanah boleh mengeluarkan risalah-risalah yang menerangkan tentang cara-cara untuk membuat permohonan pembahagian harta pesaka, bayaran yang dikenakan dan implikasi dari pembahagian tersebut. Risalah ini boleh disebarkan melalui Pejabat Penerangan, Penghulu, Ahli Jawatankuasa Kampung, masjid-masjid dan lain-lain.

2. Penerangan secara lisan juga bolehlah diberikan oleh Pegawai Penerangan semasa mengadakan lawatan ataupun pertunjukkan filem-filem bergerak di kawasan kampung. Penerangan ini boleh juga diberikan kepada guru-guru, Penghulu dan Ahli Jawatankuasa Kampung untuk disampaikan kepada penduduk di kawasan masing-masing.
3. Pegawai-pegawai Pejabat Tanah boleh juga mengadakan dialog-dialog dari masa ke semasa dengan orangramai mengenai masalah pentadbiran tanah khususnya masalah pentadbiran harta pesaka.
4. Hendaklah diterjemahkan segala undang-undang dan juga peraturan-peraturan yang dikeluarkan itu ke dalam bahasa Kebangsaan termasuk dalam tulisan jawi/rumi kerana kebanyakan undang-undang dan segala peruntukan itu dicetak dalam Bahasa Inggeris.

Dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orangramai dalam perkara ini peranan penghulu-penghulu tidaklah hanya memberi penerangan kepada anak buahnya sahaja, malah mestilah mengambil inisiatif untuk melapurkan kepada Pemungut Hasil Tanah tentang mana-mana harta pesaka yang belum diambil kuasa selepas enam bulan dari tarikh kematian tuan tanah menurut seksyen 18¹ di

¹ Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955.

mana pemilik mana-mana tanah yang telah mati dan tidak ada tindakan kepada pengetahuan penghulu di tempat di mana tanah itu terletak dalam masa 6 bulan dari tarikh kematian, penghulu hendaklah melapurkan perkara tersebut kepada Pejabat Tanah. Pemungut Hasil Tanah seterusnya patut memberi arahan supaya penghulu-penghulu membuat pembahagian harta sama ada waris-waris yang berkenaan lambat membuat permohonan ataupun tidak.

Kuasa membuat lapuran ini haruslah juga diberikan kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung agar dengan ini dapat mengatasi masalah tersebut dari terjatuh ke tangan orang-orang tengah atau peguam. Menurut seksyen 31 (1)¹ seseorang peguam itu tidak boleh menghadiri sesuatu perbicaraan itu tanpa kebenaran dari Pemungut Hasil Tanah tetapi tidak melarang peguam dari menyediakan perintah pembahagian harta pesaka tersebut.

Keseluruhan dari semua perbincangan ini dapatlah disimpulkan bahawa pentadbiran harta pesaka menghadapi berbagai masalah dan hal ini tidak dapat tidak mesti diatasi. Ini perlu dan mesti dilakukan kerana ia bukan sahaja bertujuan untuk menyelesaikan segala tunggakan-tunggakan kerja, tetapi gerakan ini sekurang-kurangnya dapat menjamin kecekapan Pentadbiran Tanah serta dapat membantu usaha-usaha kerajaan bagi melaksanakan berbagai projek di negara ini dengan cara yang lebih berkesan lagi.

¹Ibid.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an Tafsir Pimpinan ar-Rahman, 1982. Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri.

A. BUKU-BUKU BAHASA ARAB

Al-Jabūrī, Abū Yaqzān ^CAtīyah, 1969. Hukmu al-Mīrāth fi al-Syari^Cat al-Islamiyat. Baghdad : Dar al-Nazir.

Ai-^CAbbas, Syamsuddin Muhammad bin Abi, 1938M. Nihayah al-Muhtaj ila sharsh al-Minhaj. Cetakan keenam. Mesir: Matba^Cah al-Halabi wa Auladuh.

Al-Ghāndur, Ahmad, 1967M. Al-Mīrāth fī al-Islām Wal Qanun. Cetakan kedua. Mesir: Dar al-Ma^Carif.

Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad Ibn Muhammad, 1969/1389. Al-Mughni. Juz. 6. al-Qahirah: Maktabah al-Qahirah.

_____, Sahih Muslim, juz. 2. Mesir: Matba^Cah ^CIsa al-Babi al-Halabi wa Syurakahu, t.t.

B. BUKU-BUKU BAHASA MALAYSIA DAN INGGERIS

Abdullah Siddik (Dr), 1975. Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya.

Abdullah Rahman bin Haji Muhammad, 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Abdul Kadir haji Ismail, 1983. Sistem Pustaka Islam. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Azizah Kassim, 1969. "Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di N. Sembilan". Latihan Ilmiah Universiti Malaya.

Gould, Julius and William L. Kolb, ed. 1964. A Dictionary of the Social Sciences. Great Britain : Tavistock Publications.

Hooker, M.B., ed. 1970. Readings in Malaya Adat Laws. Singapore : Singapore University Press.

Koentjaraningrat (Dr), 1970. Pengantar Antropoloji. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Nordin Selat (Dr), 1976. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Utusan Melayu.

C. KERTAS KERJA DAN MAJALAH

Abdullah Siddik (Dr), "Adat dan Modenisasi", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia N. Sembilan, pada 10-12 April 1974.

